

**Mesyuarat Pengurusan
Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi
Bil 1/2022**

Tarikh : 6 Julai 2022 (Rabu).
Masa : 10.00 pagi.
Tempat : Bilik Mesyuarat Eksekutif,
Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah,
Perpustakaan UTM, Johor Bahru, Johor.

Hadir :

- | | | |
|-------------------------------------|---|--|
| 1. Cik Haslina binti Othman | : | Timbalan Ketua Pustakawan (Ilmu Pengetahuan Institusi) – TKP(IP)/Pengerusi |
| 2. En. Mohd. Fuad bin Mohamed Yusof | : | Ketua Seksyen Koleksi Khas & Repositori - KKR |
| 3. Pn. Haslina binti Hussin | : | Pustakawan Kanan - P(DP)/P(DD) / Pencatat |
| 4. Pn. Junaidah binti Abdullah | : | Pustakawan Kanan - P(KK1) |
| 5. Cik Nazrinda binti A. Samah | : | Pustakawan Kanan - P(PG) |

Tidak hadir dengan maaf :

- | | | |
|----------------------|---|--------------------------|
| 1. Pn. Nabilah Jamil | : | Pustakawan Kanan - P(BG) |
|----------------------|---|--------------------------|

Agenda Mesyuarat :

1. Aluan TKP (IP).
2. Struktur Bahagian Institusi Ilmu Pengetahuan.
3. Pertukaran dan Penempatan Staf antara unit di SKR dan SGL.
4. KAI Korporat Perpustakaan 2022 melibatkan Bahagian IP.
5. Lain-lain hal.

1. Aluan Pengerusi

1.1 Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan Ummul Kitab Al-Fatihah.

1.2 Pengerusi memaklumkan mesyuarat yang dikendalikan pada tarikh ini sebagai bilangan baharu untuk Mesyuarat Pengurusan Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi berikut perubahan struktur organisasi dan fungsian yang baharu berkuatkuasa mulai 1 Jun 2022 dan telah dikemaskini pada 5 Julai 2022.

Sehubungan itu, tiada pelaporan Laporan Perkara Berbangkit dilaporkan. Semua tindakan daripada mesyuarat terdahulu, Mesyuarat Pengurusan, Bahagian Koleksi Khas & Galeri, Bil.1/2021 bertarikh 25.08.2022 telah diselesaikan, iaitu bilangan terakhir bagi tahun 2021 akan dilampirkan bersama minit mesyuarat ini sebagai lampiran rujukan.

1.3 Pengerusi turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada mantan staf Bahagian Koleksi Khas & Galeri yang telah/bakal bersara dan perpindahan antara Seksyen / Unit atas sumbangan bakti mereka. Beliau turut mengaluakan kehadiran Pn. Haslina Hussin ke SKR sebagai P(DP)/P(DD) bagi menggantikan Pn. Haslina Sabari yang memulakan tugas di Fakulti Komputeran.

Makluman

1.4 Pengerusi telah melantik Pn. Haslina Hussin sebagai Penyelaras dan Setiausaha bagi Mesyuarat Pengurusan Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi Bil.1/2022. Perlantikan ini adalah secara tahunan dan akan digilirkan dengan Pustakawan SKR yang lain.

Pengerusi meminta P(DP)/P(DD) mengurus Pengisytiharan Kepentingan yang hanya dilaksanakan sekali sahaja dan senarai kehadiran untuk semua ahli berikutan perlantikan yang baru dimaklumkan di dalam mesyuarat ini.

Tindakan : P(DP)/P(DD)

2. Struktur Bahagian Institusi Ilmu Pengetahuan

2.1 Pengerusi memberi penerangan mengenai struktur baharu Perpustakaan UTM – Carta Organisasi Jabatan Perpustakaan UTM 2022 yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2022 dengan kemaskini terkini bertarikh 5 Julai 2022, merangkumi fungsian mengikut Seksyen di Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi.

Rujuk Lampiran 1.

Makluman

3. Pertukaran dan Penempatan Staf antara unit di SKR dan SGL.

3.1 Pengerusi memaklumkan mengenai pertukaran staf bagi SKR dan SGL akan berkuatkuasa pada Ogos 2022. Butiran pertukaran staf adalah seperti berikut :

3.1.1 SKR

- i. En. Zainurin Taib – dari Unit Data Digital ke Unit Koleksi Khas.
Kekosongan tugas Pembantu Pustakawan di Unit Data Digital tidak akan digantikan dengan staf pelaksana sehingga En. Zainurin Taib bersara pada Januari 2024.
Perpindahan beliau adalah sebagai staf yang dipinjamkan ke Unit Koleksi Khas atas faktor kesihatan sebagaimana permohonan rasmi beliau kepada pihak Ketua Pustakawan.
- ii. Pn. Kartini Ibrahim – lokasi penempatan masih belum ditetapkan.
- iii. En. Faizal Fadzil – dari Seksyen Perkhidmatan Maklumat & Penyelidikan ke Unit Koleksi Khas, menggantikan En. Azaharuddin yang memohon untuk kekal di Seksyen Pentadbiran & Pembangunan Sumber.

Makluman

3.1.2 SGL

- i. En. Zul Izuan Hanafiah – dari Unit Konservasi Galeri ke Unit Koleksi Khas.
Penempatan En. Zul Izuan di Unit Koleksi Khas adalah untuk melaksanakan tugas penerimaan bahan koleksi khas.

Berikutan kekosongan jawatan En. Noor Effendy Hamzah yang berpindah ke Seksyen Pengurusan Koleksi, PSZJB dan tidak diganti dengan Pustakawan baharu, tugas beliau akan diambil alih oleh Pn. Junaidah Abdullah.

Makluman

3.2 Pengerusi turut memaklumkan perkara berikut untuk perhatian ahli mesyuarat :

- i. Kekosongan jawatan En. Abas Rahmat akan digantikan dengan Pustakawan baharu.
- ii. Surat arahan pertukaran dalaman Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi yang melibatkan En. Zainurin Taib dan En. Zul Izuan Hanafiah akan dikeluarkan oleh Timbalan Ketua Pustakawan Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi.
- iii. Perancangan masa hadapan SGL, En. Mohd Faezan Abd. Jalil akan dipindahkan ke Unit Pembangunan Galeri sekiranya SGL menerima staf baharu untuk menggantikan beliau.

Perincian mengenai perubahan terkini penempatan staf adalah merujuk kepada carta di Lampiran 1.

Makluman

4. KAI Korporat Perpustakaan 2022 melibatkan Bahagian IP

4.1 P(PG) melaporkan mengenai projek pendokumentasian dan rakaman yang melibatkan dua (2) tokoh akademik UTM seperti berikut :

- i. Sejarah Lisan Tokoh Penyelidik UTM - Prof. Ir. Dr. Nor Aishah Saidina Amin.
- ii. Sejarah Lisan Tokoh Akademik UTM - Prof. Dr. Kassim Thukiman.

Rujuk Lampiran 2.

Makluman

4.2 P(KK1) memaklumkan, hasil tindakan awal untuk mendapatkan pengesahan daripada Prof. Dr. Kassim Thukiman sebagai tokoh yang dipilih tidak mendapat maklumbalas yang positif. Sehubungan itu, P(KK1) memohon kerjasama dan bantuan daripada KKR berhubung perkara ini.

Tindakan : KKR

4.3 Pengerusi meminta surat lantikan Ahli Jawatankuasa *Institutional Knowledge* dikeluarkan kepada staf yang telah dikenalpasti terlibat untuk meneruskan pelaksanaan fasa projek ini.

Tindakan : P(KK1) & P(PG)

4.4 Pengerusi menyarankan supaya aktiviti imbasan dokumen berkaitan projek pendokumentasian dan rakaman tokoh akademik melibatkan kerjasama dari Unit Data Digital. P(PG) melaporkan mengenai projek pendokumentasian dan mengimbas melibatkan KAI iaitu :

4.4.1 Mendeposit dokumen terpilih ke Modul Artifak di UTM Virtual Gallery dengan sasaran 6 dokumen dan sehingga Jun 2022 pencapaian adalah 1 dokumen.

Pihak P(PG) dan P(BG) diminta untuk mengubah strategi dengan melaksanakan proses mengenalpasti, mengimbas dan mendeposit dokumen secara serentak bagi judul bahan supaya pencapaian dalam bentuk bilangan dokumen dapat dilaporkan dan bukan pelaporan dalam bentuk peratusan aktiviti.

Untuk membantu supaya mendapatkan pencapaian dalam bentuk bilangan untuk Julai 2022 pihak P(PG) dan P(BG) diminta untuk menyerahkan 3 dokumen yang dikenalpasti kepada pihak P(DP)/ P(DD) untuk membantu di dalam melaksanakan proses mengimbas bagi mendapatkan sasaran sebanyak 3 dokumen pada bulan Julai 2022. Pihak pengerusi meminta supaya mengenalpastikan daripada senarai yang telah disediakan dan memilih dokumen yang mudah untuk dimbas untuk dilaksanakan.

Tindakan : P(PG), P(BG) & P(DP)/ P(DD)

4.4.2 Proses semakan penulisan dua tokoh sejarah lisan yang terpilih untuk Sejarah Lisan Tokoh Penyelidik.

Pihak pengerusi memaklumkan hasil daripada biodata dua tokoh ini pihak UKK diminta untuk membuat semakan hasil penulisan dengan sistem OCEAN. Bagi koleksi yang tiada diminta untuk melaksanakan proses perolehan sama ada secara permohonan atau pesanan belian bahan.

Bagi pihak UDD & UPD diminta untuk membantu melaksanakan proses mengimbas bagi bahan fizikal yang ada mengikut senarai penulisan yang dibenarkan di bawah UTM.

Dua (2) tokoh akademik UTM seperti berikut :

- i. Sejarah Lisan Tokoh Penyelidik UTM - Prof. Ir. Dr. Nor Aishah Saidina Amin.
- ii. Sejarah Lisan Tokoh Akademik UTM - Prof. Dr. Kassim Thukiman.

Rujuk Lampiran 2.

Tindakan : P(KK), P(PG), P(BG) & P(DP)/ P(DD)

4.5 Pembentangan pelaporan terkini KAI Seksyen dan KAI Korporat Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi telah dibentangkan oleh KKR.

Pengerusi memaklumkan KAI Unit Data Digital yang melibatkan pendepositan bahan, iaitu *number of UTM Library's DMS digital content* adalah kekal 6,000 rekod meskipun berlaku pertukaran En. Zainurin Taib ke Unit Koleksi Khas.

Makluman

5. Lain-lain hal.

5.1 Penganjuran *Refresher Course Document Management System (DMS)*

P(DD) memaklumkan Bengkel *Refresher Course Document Management System (DMS)* dengan kerjasama daripada Seksyen Automasi di bawah kendalian En. Mohamad Fahiezan Md. Zan dijadualkan akan diadakan pada Ogos 2022 melibatkan staf yang bertanggungjawab kepada proses memasukkan metadata ke dalam *Valet* di *DMS* dari PRZS, PSZJB dan PSZKL.

P(KK1) memaklumkan supaya beliau disenaraikan sebagai peserta dan satu bengkel secara berasingan akan dianjurkan untuk staf UKK pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Tindakan : P(DD)

5.2 Demonstrasi Penggunaan Mesin Pengimbas

P(DD) memaklumkan satu sesi demonstrasi penggunaan mesin pengimbas *ATIZ : Book Drive Capturing Scanner Model B* dikendalikan oleh En. Muhammad 'Atiff Mahussain akan diadakan untuk memastikan kebolehgunaan mesin pengimbas berkenaan sebelum saranan pelupusan dimajukan kepada Seksyen Automasi sebagai pengesahan keupayaan mesin berkenaan dari aspek keupayaan stok peralatan dan perkakasan gantian di pasaran.

Tindakan : P(DD)

5.3 Penggunaan Borang Penghantaran Bahan Antara Unit di SKR

P(DD) memaklumkan penggunaan Borang Penghantaran Bahan melibatkan Unit Dokumen Digital (UDD) ke Unit Koleksi Khas (UKK) berkaitan penghantaran semula bahan yang telah selesai diimbas/dimuatnaik dan input ke dalam *Valet DMS* akan menggunakan borang baharu. Penggunaan borang baharu ini tidak melibatkan permohonan nombor siri dari Unit Sumber Manusia, PUTM kerana kegunaan borang ini adalah di peringkat dalaman sahaja dan perkara ini telah dirujuk dan disahkan oleh Cik Siti Nor Hashidah Zakaria.

Makluman

5.4 Perlantikan Penyelaras Unit Mengikut Seksyen

Pengerusi memaklumkan perlantikan Penyelaras mengikut Seksyen seperti berikut :

- i. Seksyen Koleksi Khas & Repositori : Pn Junaidah Abdullah.
- ii. Seksyen Galeri : Pn. Nabilah Jamil.

Surat lantikan rasmi akan dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pustakawan.

Tindakan : TKP(IP)

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.10 petang dengan bacaan surah Al-Asr

Disediakan oleh :

HH

.....
Haslina binti Hussin
Pencatat Minit
Mesyuarat Pengurusan
Bahagian Ilmu Pegetahuan Institusi
Perpustakaan Raja Zarith Sofiah
Perpustakaan UTM

Disahkan oleh :

HO

.....
Haslina binti Othman
Pengerusi
Mesyuarat Pengurusan
Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi
Perpustakaan Raja Zarith Sofiah
Perpustakaan UTM